

**TERMA DAN SYARAT**  
**AKAUN-i PELABURAN DINAMIK (DIA-i) GLOBAL SUKUK**

**DOKUMEN INI HANYA SAH SEMASA TEMPOH TAWARAN AWAL**

**(1) DEFINISI**

- 1.1** Melainkan dinyatakan sebaliknya, definisi berikut adalah terpakai bagi Terma dan Syarat ini:

<b>“Penandatangan Berwenang”</b>	bermaksud orang di mana Mandat diberikan;
<b>“Bank”</b>	bermaksud Maybank Islamic Berhad No Pendaftaran: 200701029411(787435-M), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 15, Menara A, Dataran Maybank, 1 Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur dan termasuk penggantinya dalam hak milik, penerima serah hak dan penerima pindah milik;
<b>“Bank Negara Malaysia atau BNM”</b>	bermaksud Bank Negara Malaysia dan termasuk sebarang entiti yang mengambil peranan Bank Pusat Malaysia;
<b>“Hari Perniagaan”</b>	bermaksud hari (selain hari Sabtu, Ahad dan cuti umum) di mana Bank dibuka untuk perniagaan;
<b>“Penjaga”</b>	bermaksud Maybank Trustees Berhad No Pendaftaran: 196301000109 (5004-P), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftarnya di Tingkat 8, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur;
<b>“Perkhidmatan Perbankan Elektronik”</b>	bermaksud perkhidmatan perbankan elektronik yang disediakan oleh bank yang membolehkan IAH untuk berkomunikasi, memperoleh maklumat atau memberi arahan dan kebenaran kepada Bank menggunakan alat elektronik seperti komputer, telefon, telefon pintar dan tablet melalui saluran seperti perbankan telefon, Maybank2u dan terminal layan diri serta termasuk mesin juruwang automatik (“ATM”), mesin deposit cek (“CQM”) dan mesin kitar semula pintar (“SRM”);
<b>“Undang-undang Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus”</b>	bermaksud sebarang undang-undang, arahan, peraturan, permintaan atau keperluan, mengikut kes yang berlaku (dalam setiap kes, sama ada atau tiada penguatkuasaan undang-undang tetapi, jika tiada penguatkuasaan undang-undang, pematuhan yang menurut amalan umum orang di mana arahan, peraturan, permintaan atau keperluan ditujukan) berkaitan dengan perkara melibatkan Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus termasuk perlindungan atau perlindungan Alam Sekitar, berbahaya terhadap atau perlindungan kesihatan manusia dan keadaan tempat kerja;

<b>“Tuntutan Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus”</b>	bermaksud sebarang tuntutan, prosiding, notis rasmi atau siasatan oleh mana-mana orang berkaitan dengan Undang-undang Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus.
<b>“Pengurus Dana Luaran”</b>	bermaksud Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd No Pendaftaran: 201301012623 (1042461-K), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah undang-undang Malaysia dan mempunyai tempat perniagaan utamanya di Tingkat 12, Menara C, Dataran Maybank, 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur yang dilantik oleh Bank untuk bertindak sebagai pengurus dana luaran DIA-i Global Sukuk dan termasuk penggantinya dalam hak milik, penerima serah hak dan penerima pindah milik;
<b>“Force Majeure”</b>	bermaksud sebarang peristiwa di luar kawalan bank yang munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, banjir, kemarau, epidemik, pandemik atau penyebaran penyakit mudah berjangkit, kuarantine; kecemasan negara atau wilayah atau sebarang sebab lain, letupan, sabotaj, kemalangan, embargo, rusuhan, peperangan, tindakan keganasan, kekacauan awam atau pihak berkuasa awam, termasuk tindakan kerajaan tempatan dan pihak berkuasa parlimen, kegagalan atau pincang tugas pelayan, sistem, atau rangkaian atau sebarang saluran talian telekomunikasi atau alat dan semua sebab semula jadi, teknologi atau politik yang membuatkan kewajipan pihak-pihak di dalam Terma dan Syarat ini tidak dapat dijalankan sepenuhnya akibat berlakunya peristiwa di luar kawalan pihak yang munasabah;
<b>“Pembekuan DIA-i Global Sukuk”</b>	bermaksud di mana Bank membekukan, menahan atau menggantung IAH daripada menyelenggarakan atau menjalankan sebarang urus niaga termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran atau pembayaran sebarang wang, atau melunaskan sebarang cek atau sebarang pembayaran lain, atau bertindak atau menyelenggarakan sebarang arahan untuk pembayaran atau pengeluaran daripada DIA-i Global Sukuk’
<b>“Urusan Dalaman”</b>	bermaksud sebarang tuntutan berlawanan atau advers atau bercanggah oleh;  (i) mana-mana rakan kongsi, pengarah, pemegang saham, ahli atau benefisiari; atau  (ii) mana-mana orang yang mengaku sebagai rakan kongsi, pengarah, pemegang saham, ahli benefisiari berkaitan dengan sebarang akaun yang merupakan perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan/atau akaun syarikat atau akaun perbankan mana-mana organisasi, badan, jawatankuasa, persatuan, kelab, kesatuan lain yang mempunyai status sah, berkaitan dengan hasil atau baki akaun perbankan tersebut atau operasi akaun perbankan tersebut atau mandat operasi;

<b>“Pemegang Akaun Pelaburan (“IAH”)”</b>	bermaksud pemegang akaun DIA-i Global Sukuk sebagai penyedia modal DIA-i Global Sukuk yang diselenggarakan di Bank di mana Bank, sebagai <i>wakil</i> (ejen) bertanggungjawab untuk menguruskan Pelaburan yang disediakan oleh IAH dan rujukan kepada “IAH” akan ditafsirkan sewajarnya;
<b>“Pelaburan”</b>	bermaksud pelaburan oleh IAH masing-masing di dalam DIA-i Global Sukuk melalui kontrak Wakalah;
<b>“Portfolio Pelaburan”</b>	bermaksud portfolio aset iaitu wang tunai, sekuriti pendapatan tetap atau aset pelaburan lain dari masa ke masa yang dilabur oleh Bank sebagai ejen, menurut Syariah dan Garis Panduan Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;
<b>“Tarikh Pelancaran”</b>	bermaksud [ 22 April 2024];
<b>“Akaun-i Pelaburan Dinamik (DIA-i) Global Sukuk atau DIA-i Global Sukuk”</b>	bermaksud akaun pelaburan tanpa sekatan yang dikenali sebagai DIA-i berdasarkan kontrak Wakalah, di mana pelanggan memberi Bank dengan mandat umum untuk membuat keputusan pelaburan tanpa menetapkan sebarang sekatan dan/atau syarat tertentu;
<b>“Kumpulan Maybank”</b>	bermaksud, secara kolektif, Bank, gabungannya, dan mana-mana syarikat berkaitan Bank (berdasarkan Seksyen 7 Akta Syarikat 2016) serta syarikat bersekutu Bank atau syarikat induknya’
<b>“Mandat”</b>	bermaksud kebenaran atau resolusi bertulis yang diberi oleh IAH kepada orang lain untuk menjalankan dan menguruskan DIA-i seperti yang dihuraikan seterusnya di bawah fasal 8.21;
<b>“Nilai Aset Bersih” atau “NAV”</b>	bermaksud nilai semua aset DIA-i Global Sukuk yang kurang daripada nilai semua liabiliti DIA-i Global Sukuk, pada waktu penilaian;
<b>“Ringgit Malaysia atau RM”</b>	bermaksud matawang Malaysia yang sah;
<b>“Suruhanjaya Sekuriti”</b>	bermaksud suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
<b>“Butiran Sekuriti”</b>	bermaksud butiran termasuk tetapi tidak terhad kepada buku simpanan/ kad ATM/ kata kunci perbankan elektronik dan PIN dan lain-lain maklumat sulit, kod sekuriti dan atau alat sekuriti yang digunakan berkaitan dengan pemegang akaun DIA-i Global Sukuk;
<b>“Terma dan Syarat”</b>	bermaksud terma dan syarat di dalam ini, seperti yang akan dipindah dari masa ke masa oleh Bank menurut terma tersebut;

**“Pemegang Amanah”** bermaksud Maybank Trustees Berhad No Pendaftaran: 196301000109 (5004-P), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah undang-undang Malaysia dan didaftarkan sebagai Syarikat Amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 dan mempunyai tempat perniagaan utamanya di Tingkat 8, Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur;

**“Wakalah”** merujuk kepada Wakalah bi al-Istithmar. Ia bermaksud kontrak yang dimasuki antara IAH sebagai *muwakkil* (sebagai prinsipal) dan Bank sebagai ejennya (*wakil*) untuk tujuan pelaburan, di mana IAH menyediakan dana pelaburan dan melantik/mbenarkan Bank untuk menjalankan aktiviti pelaburan, dan sebagai pulangan, Bank akan menerima bayaran untuk perkhidmatan yang disediakan. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian kewangan kecuali kerugian akibat salah laku, kecuaian atau pelanggaran Bank terhadap terma tertentu.

## (2) TAFSIRAN

**2.1** Melainkan jika ada tujuan lain, sebarang rujukan di dalam Terma dan Syarat ini kepada:

- (a) Perkataan yang mengimport kata tunggal adalah termasuk kata majmuk dan sebaliknya serta perkataan yang mengimport satu jantina adalah termasuk semua jantina lain.
- (b) Tajuk dan sub-tajuk di dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak mempengaruhi tafsiran peruntukan substantif Terma dan Syarat ini.
- (c) Di mana perkataan atau frasa diberi maksud tertentu, bahagian lain dalam bentuk ucapan dan tatabahasa bagi perkataan atau frasa tersebut mempunyai maksud yang sepadan.
- (d) Perkataan yang terpakai untuk orang sebenar termasuk mana-mana pertubuhan, badan, orang, syarikat, perbadanan, firma atau perkongsian, korporat atau lain-lain dan sebaliknya.
- (e) Sebarang rujukan terhadap statut, aturan, peraturan atau peruntukan berkanun harus merangkumi rujukan terhadap pindaannya atau enakmen semula padanya.
- (f) Rujukan terhadap mana-mana pihak kepada Terma dan Syarat ini atau sebarang perjanjian atau instrumen lain harus merangkumi pengganti dan penerima serah hak yang dibenarkan bagi pihak tersebut.
- (g) Rujukan terhadap “bayar”, atau ungkapan seasal, merangkumi bayaran yang dibuat secara tunai atau melalui cek dalam dana yang dijelaskan atau draf bank atau dilaksanakan melalui pemindahan inter-bank kepada akaun pembayar.

### (3) AKAUN-i PELABURAN DINAMIK (DIA-i) GLOBAL SUKUK

DIA-i Global Sukuk adalah berdasarkan kontrak Wakalah di antara IAH dan Bank di mana IAH akan melabur wangnya di dalam DIA-i Global Sukuk dan dana tersebut (selepas penolakan bayaran dan caj berkenaan) kemudiannya diuruskan dan dilabur oleh Bank dan Pengurus Dana Luaran yang dilantiknya ke dalam portfolio aset seperti yang ditetapkan di dalam Helaian Pendedahan Produk (PDS). Dana ini akan ditempatkan dengan Pemegang Amanah, yang bertindak bagi pihak IAH untuk DIA-i Global Sukuk. Keuntungan yang terhasil daripada Portfolio Pelaburan disasarkan untuk diagihkan kepada IAH secara tahunan, tertakluk kepada ketersediaan keuntungan dan atas budi bicara Bank. Pelaburan ini terikat dengan prestasi Portfolio Pelaburan sandaran, dan prinsip serta pulangan tidak dijamin oleh Bank. Kerugian kewangan berkaitan dengan Pelaburan ini (jika ada) akan ditanggung oleh IAH melainkan kerugian tersebut adalah akibat salah laku, kecuaian atau pelanggaran Bank terhadap terma tertentu.

#### 3.1 Objektif Pelaburan

DIA-i Global Sukuk bertujuan untuk memberi agihan pendapatan yang konsisten dengan turun naik yang rendah dengan melabur di dalam pelaburan berisiko rendah hingga sederhana. DIA-i Global Sukuk juga bertujuan untuk memastikan bahawa keseluruhan operasi DIA-i Global Sukuk akan diuruskan oleh Bank selaras dengan prinsip Syariah.

#### 3.2 Jenis Pelaburan

DIA-i Global Sukuk adalah akaun pelaburan tanpa sekatan di mana IAH memberi mandat umum kepada Bank untuk menguruskan akaun pelaburan dan membuat keputusan pelaburan, termasuk melantik Pemegang Amanah dan juga memudahkan pembukaan akaun oleh Pemegang Amanah, tanpa sebarang sekatan dan/atau syarat tertentu.

#### 3.3 Profil Pelabur

- (a) Semua individu dan bukan individu layak sebagai IAH dan DIA-i Global Sukuk adalah sesuai untuk orang yang mempunyai keinginan berisiko rendah hingga sederhana yang menginginkan pulangan stabil dan melabur di dalam aset pembiayaan patuh Syariah dan aset Global Sukuk.
- (b) Saiz agregat minimum bagi DIA-i Global Sukuk adalah Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta RM50,000,000.00 (“Saiz DIA-i Global Sukuk Minimum”) menjelang atau sebelum tamat Tempoh Tawaran Tawaran Awal, jika gagal DIA-i Global Sukuk akan terbatal dan tawaran IAH masing-masing akan dibayar balik kepada IAH.
- (c) Bank berhak untuk tidak memulakan pelaburan jika Saiz DIA-i Global Sukuk Minimum tidak dicapai pada akhir Tempoh Tawaran Awal. Jika ia berlaku, Bank akan membayar balik jumlah prinsipal kepada IAH masing-masing di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lebih daripada tiga puluh (30) hari kalender. Bayaran balik adalah pada kos pelaburan IAH dan termasuk sebarang bayaran pengatur yang telah dibayar kepada Bank semasa proses tersebut.

#### 3.4 Butiran Urus Niaga untuk DIA-i Global Sukuk

- (a) DIA-i Global Sukuk terbuka kepada kedua-dua individu dan bukan individu dengan terma pelaburan berikut:

	Individu, SME/BBs	Institusi/Korporat
Pelaburan Awal Minimum/ Pegangan Pelaburan Minimum	RM1,000	RM1,000,000
Jumlah Tambah Nilai Minimum	RM100	RM10,000
Had Pelaburan Maksimum	Tiada	Tiada

- (b) IAH boleh menebus sebahagian atau semua pelaburan mereka dengan melengkapkan permintaan penebusan di dalam borang urus niaga. Tiada jumlah penebusan minimum dan tiada sekatan ke atas kekerapan penebusan. Namun begitu, jika jumlah pelaburan akhir selepas permintaan penebusan berada di bawah pegangan pelaburan minimum, permintaan untuk penebusan penuh dianggap telah dibuat.
- (c) Berkaitan dengan penghantaran penebusan, sebarang permohonan yang diterima atau dianggap telah diterima oleh Bank sebelum waktu penggalan pada 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan, Pelaburan di dalam DIA-i Global Sukuk akan terbatal pada NAV Pelaburan setakat pada titik penilaian selepas permintaan untuk penebusan Pelaburan telah diterima dan disetujui oleh Bank. Permohonan yang diterima atau dianggap telah diterima oleh Bank selepas waktu penggalan pada 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan, akan dianggap sebagai diterima pada Hari Perniagaan berikutnya.
- (d) Berkaitan dengan bayaran hasil penebusan, Bank akan membayar hasil penebusan kepada IAH pada  $T + 7$  hari kalender.  $T$  merujuk kepada hari di mana permintaan/permohonan untuk menebus dianggap telah diterima oleh Bank. Bank akan meremiti hasil penebusan kepada akaun bank yang dipegang dalam nama IAH.
- (e) IAH boleh menggunakan hak tempoh bertenang untuk memperoleh bayaran balik bagi pelaburannya ke dalam DIA-i Global Sukuk dalam masa dua (2) Hari Perniagaan bermula dari tarikh permohonan pelaburan diterima oleh Bank (“Tempoh Bertenang”). Waktu penggalan bagi sebarang permohonan pelaburan adalah 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan. Permohonan yang diterima atau dianggap telah diterima oleh Bank selepas waktu penggalan pada 2.30 petang pada mana-mana Hari Perniagaan, akan dianggap telah diterima pada Hari Perniagaan berikutnya. Selepas IAH melaksanakan hak di bawah ini dalam Tempoh Bertenang, Bank akan membayar balik kepada IAH dalam masa tujuh (7) hari kalender dari penerimaan permohonan bertenang, jumlah:
- (a) Harga NAV pada waktu pembelian pelaburan; dan
  - (b) Caj jualan yang dikenakan ke atas jumlah pelaburan yang dibeli.
- (f) Bagi kedua-dua Pelaburan dan penebusan/pengeluaran, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penanguhan atau kerugian yang ditanggung jika berlakunya situasi berikut:
- (i) di mana Pemindahan Elektronik Masa Nyata Dana dan Sekuriti (RENTAS) mengalami sebarang masalah teknikal;

- (ii) sebarang kiriman dana yang tidak berpadanan dengan permintaan dengan segera;
- (iii) butiran yang tidak tepat (iaitu nombor kad pengenalan, nombor akaun dll.) yang diberi oleh IAH; atau
- (iv) situasi di luar kawalan Bank atau Pemegang Amanah dan/atau Penjaga.

### **3.5 Pelaburan Semula**

Tiada pelaburan semula bagi keuntungan/pulangan ke dalam DIA-i Global Sukuk. Keuntungan/pulangan, jika ada, akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/ Akaun Simpanan/ Akaun Pelaburan Mudarabah milik IAH yang diselenggara dengan Maybank Islamic Berhad.

### **3.6 Perlantikan, Penerimaan dan Pertimbangan**

- (a) Menurut terma dan tertakluk kepada syarat yang terkandung di dalam ini, IAH melantik Bank sebagai ejen dan Bank bersetuju untuk menerima perlantikan tersebut untuk bertindak dan bagi pihak IAH, dari masa ke masa, melaksanakan dan menguruskan aktiviti pelaburan seperti yang tercatat di dalam ini dan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di dalam Terma dan Syarat ini. Bank juga diberi kuasa untuk mewakilkan hak dan tugasnya sebagai ejen di dalam ini kepada mana-mana pihak ketiga untuk melakukan semua tindakan yang diperlukan bagi melengkapkan aktiviti pelaburan yang diperlukan.
- (b) Berhubungan dengan tugas dan kewajipannya serta kuasa, hak, budi bicara dan kuasanya di bawah Terma dan Syarat ini, Bank, akan bertindak semata-mata sebagai ejen dan untuk manfaat IAH. Bank tidak akan mempunyai sebarang tugas, kewajipan atau liabiliti (sama ada fidusiari atau sebaliknya) kepada IAH melebihi yang dinyatakan secara jelas di dalam Terma dan Syarat ini. Selain itu, Bank tidak akan mengambil, atau dianggap telah mengambil, sebarang kewajipan untuk, atau hubungan fidusiari dengan IAH selain daripada peruntukan khusus yang dibuat di dalam ini.
- (c) Sebarang tindakan khas dan dibenarkan yang diambil oleh Bank di bawah dan menurut Terma dan Syarat ini berkaitan dengan perkhidmatan bagi pihak dan untuk manfaat IAH, atau pada asas arahan bersesuaian, yang diberi kepada Bank oleh IAH (atau sebagaimana yang dibenarkan sewajarnya) akan terikat dengan IAH.
- (d) Perlantikan Bank oleh IAH tidak mencipta atau dianggap mencipta perkongsian atau usaha sama di antara pihak-pihak.
- (e) Atas pertimbangan Bank menjalankan perkhidmatan menurut peruntukan Terma dan Syarat ini, pihak-pihak bersetuju tentang bayaran/caj/kos berkaitan, dengan jumlah seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 8.5 dalam Terma dan Syarat ini.
- (f) Perlantikan Bank sebagai ejen IAH akan terhenti selepas penamatkan, penutupan atau pembatalan DIA-i Global Sukuk.
- (g) IAH akan menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi daripada sebarang kerugian, kos, perbelanjaan atau ganti rugi yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank sebagai akibat daripada memenuhi fungsi agensi Bank seperti yang ditetapkan di atas.

#### (4) STRATEGI PELABURAN DIA-i GLOBAL SUKUK

- (a) Bagi mencapai objektif pelaburan DIA-i, Pengurus Dana Luaran yang dilantik oleh Bank boleh melabur sehingga lima puluh peratus (50%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk dalam aset Sukuk termasuk Skim Pelaburan Kolektif yang berpotensi untuk memenuhi objektif pulangan dan pelaburan yang disasarkan oleh DIA-i. Walau apa pun dan untuk manfaat IAH, sehingga seratus peratus (100%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk juga boleh dilaburkan di dalam aset pembiayaan Bank patuh Syariah, dan dalam aset cair termasuk instrumen pasaran wang patuh Syariah yang dikeluarkan oleh pengeluar Malaysia dan institusi kewangan Malaysia dan tawaran dalam deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan Malaysia. Bagi mengelakkan keraguan, seratus peratus (100%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk diuruskan oleh Pengurus Dana Luaran yang dilantik oleh Bank.
- (b) Bahagian Sukuk daripada DIA-i Global Sukuk akan diuruskan dengan aktif, namun begitu, betapa aktif atau kekerapan strategi dagangannya adalah amat bergantung pada peluang pasaran.
- (c) Pelaburan dalam aset pembiayaan akan diuruskan oleh Bank. Aset pembiayaan termasuk pembiayaan runcit (cth. Pembiayaan Amanah Saham, Pembiayaan Rumah, Pembiayaan Peribadi, Kad Kredit) dan pembiayaan bukan runcit (cth. Pembiayaan SME, Pembiayaan Perbankan Perniagaan dan Pembiayaan Korporat).

##### 4.1 Kedudukan Bertahan Sementara

Bank dan aset pembiayaan Pengurus Dana Luaran yang dilantik oleh Bank boleh mengambil kedudukan bertahan sementara yang mungkin tidak konsisten dengan strategi pelaburan DIA-i Global Sukuk dalam percubaan untuk memberi respons terhadap pasaran advers, keadaan politik atau ekonomi. Di bawah situasi tersebut semua NAV DIA-i Global Sukuk boleh dilaburkan sepenuhnya di dalam instrumen pasaran wang dan tawaran patuh Syariah di dalam deposit patuh Syariah. Kedudukan bertahan ini boleh dijalankan buat satu tempoh waktu seperti yang dianggap sesuai oleh Bank selepas rundingan dengan Penjaga.

##### 4.2 Pelaburan DIA-i

Dana di dalam DIA-i Global Sukuk akan dilaburkan di dalam mana-mana atau kesemua aset berikut:

- (a) aset Sukuk termasuk Skim Pelaburan Kolektif;
- (b) aset pembiayaan patuh Syariah yang dipegang oleh Maybank Islamic Berhad;
- (c) instrumen pasaran wang patuh Syariah yang dikeluarkan oleh pengeluar Malaysia dan institusi kewangan Malaysia;
- (d) deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan Malaysia;
- (e) mana-mana Pelaburan patuh Syariah yang dibenarkan oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti yang selari dengan objektif DIA-i Global Sukuk.

#### **4.3 Sekatan dan Had Pelaburan**

##### **(a) Had Dedahan**

Nilai Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk di dalam sekuriti yang tidak disenaraikan tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada NAV-nya.

##### **(b) Had Sebaran Pelaburan**

- (i) Nilai Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk di dalam keluaran Sukuk oleh mana-mana pengeluar tunggal tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk.
- (ii) Nilai Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk di dalam sekuriti boleh dipindahkan dan instrumen pasaran wang yang dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar tunggal tidak boleh melebihi lima belas peratus (15%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk.
- (iii) Nilai tawaran DIA-i Global Sukuk di dalam deposit dengan mana-mana institusi tunggal tidak boleh melebihi dua puluh peratus (20%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk.
- (iv) Nilai agregat di dalam sekuriti boleh dipindahkan, instrumen pasaran wang dan deposit yang dikeluarkan atau ditempatkan dengan mana-mana pengeluar/institusi tunggal (mengikut kes yang berlaku) tidak boleh melebihi dua puluh lima peratus (25%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk.
- (v) Nilai Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk di dalam sekuriti boleh dipindahkan dan instrumen pasaran wang dan deposit yang dikeluarkan oleh mana-mana kumpulan syarikat tidak boleh melebihi dua puluh peratus (20%) daripada NAV DIA-i Global Sukuk.

##### **(c) Had Penumpuan Pelaburan**

- (i) Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk di dalam sekuriti boleh dipindahkan (selain daripada debentur) tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada sekuriti yang dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar tunggal.
- (ii) Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk di dalam instrumen pasaran wang tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) daripada instrumen yang dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar tunggal. Had ini tidak terpakai untuk instrumen pasaran wang yang tidak mempunyai saiz keluaran yang telah ditetapkan terlebih dahulu.

Had dan sekatan di atas akan dipatuhi pada setiap masa berdasarkan nilai Pelaburan DIA-i Global Sukuk dan instrumen yang paling terkini. Namun begitu, kelonggaran sebanyak lima peratus (5%) sebagai lebihan dalam sebarang had atau sekatan boleh dibenarkan apabila had atau sekatan dilanggar melalui kenaikan atau penyusutan dalam nilai Portfolio Pelaburan atau sebagai akibat penebusan Pelaburan atau bayaran yang dibuat daripada DIA-i Global Sukuk dan turun naik aset sandaran). Apabila had berkaitan telah dilanggar, tiada pemerolehan selanjutnya bagi sekuriti tertentu yang terlibat akan dibuat dan Bank harus, dalam tempoh sewajarnya yang tidak lebih daripada tiga (3) bulan dari tarikh pelanggaran mengambil semua langkah dan tindakan yang diperlukan untuk memperbetulkan pelanggaran ini.

## (5) RISIKO MELABUR DI DALAM DIA-i GLOBAL SUKUK

- (a) Semua pelaburan mempunyai beberapa risiko. Berhubungan dengan perkara ini, kedua-dua modal dan pulangan adalah tidak dijamin oleh Bank kepada IAH dan kedua-dua pulangan serta modal boleh turun naik bergantung pada nilai pelaburan. Pilihan untuk melabur di dalam DIA-i Global Sukuk dibuat atas budi bicara IAH. Terdapat peluang di mana DIA-i Global Sukuk yang dipilih oleh IAH mungkin tidak sesuai dengan keperluan dan situasi IAH. IAH dinasihatkan untuk melaksanakan pertimbangan dalam membuat keputusan termaklum dan harus bergantung pada penilaianya sendiri untuk menilai merit dan risiko apabila melabur di dalam DIA-i Global Sukuk.
- (b) Peranan Bank di dalam DIA-i Global Sukuk sebagai ejen IAH adalah untuk melabur di dalam portfolio aset yang sesuai dengan secukupnya supaya berpotensi mencapai objektif DIA-i Global Sukuk, sementara pada masa yang sama berusaha ke arah mengurangkan risiko portfolio aset sebanyak mungkin, melalui peruntukan aset secara berhati-hati dan pemilihan sekuriti, serta melalui kepelbagaian, iaitu menyebarkan risiko merentasi sekumpulan pelbagai aset atau sekuriti yang rendah dengan satu sama lain. Sebelum membuat Pelaburan di dalam DIA-i Global Sukuk, IAH harus mempertimbangkan pelbagai risiko yang boleh mempengaruhi DIA-i Global Sukuk dan IAH.

### 5.1 Risiko Am dalam Pelaburan di dalam DIA-i Global Sukuk

#### (a) Risiko Pasaran

Nilai Pelaburan boleh meningkat atau menurun akibat perubahan dalam faktor pasaran seperti ketidakpastian dalam persekitaran ekonomi, politik dan sosial yang memberi impak terhadap keadaan pasaran. Ini adalah risiko yang dikaitkan dengan semua sekuriti dan tidak boleh disingkirkan serta boleh memberi impak terhadap prestasi pelaburan aset sandaran.

#### (b) Risiko Kecairan

Risiko kecairan timbul akibat kesukaran di mana pelaburan boleh didagangkan pada atau berhampiran nilai saksamanya, bergantung pada jumlah dagangan di pasaran. Ia boleh berlaku apabila DIA-i Global Sukuk memegang sekuriti yang didagangkan dengan sedikit, atau apabila DIA-i Global Sukuk mengalami penebusan besar yang seterusnya, akan memerlukan penjualan sekuriti pada waktu apabila harga yang tidak menguntungkan disebabkan contohnya, kekurangan pembeli dalam pasaran pada harga sebenar atau diingini atau keadaan pasaran yang tidak menguntungkan. Risiko ini dikurangkan dengan mempelbagaikan pelaburan sandaran dalam julat sekuriti yang luas dan mengelakkan sekuriti dengan kecairan yang rendah.

#### (c) Risiko Pengurusan

Prestasi DIA-i Global Sukuk amat bergantung pada pengalaman, kepakaran dan teknik pelaburan Pengurus Dana Luaran yang dilantik oleh Bank sementara kualiti pengurusan juga bergantung pada situasi dalaman seperti urusan operasi di dalam Bank. Pengurusan DIA-i Global Sukuk yang lemah akan mempengaruhi prestasi DIA-i Global Sukuk dengan teruk dan boleh menjelaskan Pelaburan IAH. Bagi mengurangkan risiko ini, perlaksanaan kawalan dalaman dan proses pelaburan berstruktur serta prosedur operasi telah dijalankan oleh Bank.

(d) **Risiko Ketidakpatuhan**

Risiko ini merujuk kepada kemungkinan bahawa Bank mungkin tidak mengikuti peruntukan yang ditetapkan di dalam Terma dan Syarat ini, atau undang-undang, peraturan, garis panduan atau polisi operasi dalaman berkaitan yang mentadbir urus DIA-i Global Sukuk. Ketidakpatuhan boleh berlaku secara langsung akibat faktor-faktor seperti kesilapan manusia atau kegagalan sistem dan juga boleh berlaku secara tidak langsung akibat pindaan ke atas rangka kerja kawal atur, undang-undang, peraturan, dan lain-lain amalan perundangan berkaitan yang mempengaruhi DIA-i Global Sukuk. Risiko ini boleh menyebabkan gangguan operasi dan potensi kerugian terhadap DIA-i Global Sukuk. Bank bertujuan untuk mengurangkan risiko ini dengan melaksanakan polisi dan prosedur dalaman yang ketat serta proses pemeriksaan pematuhan bagi memastikan bahawa DIA-i Global Sukuk mematuhi peraturan atau garis panduan berkaitan.

(e) **Risiko Pembiayaan**

Nilai pelaburan di dalam DIA-i Global Sukuk turun naik menurut nilai Portfolio Pelaburan sandaran. IAH harus menilai dan memahami risiko melabur terwujud ini dengan wang yang dipinjam kerana pulangan adalah tidak dijamin, termasuk perkara berikut:

- (i) kemampuan untuk melakukan bayaran pembiayaan dan peningkatan dalam kadar keuntungan ke atas bayaran pembiayaan; dan
- (ii) kemampuan untuk memberi cagaran tambahan sekiranya nilai Portfolio Pelaburan sandaran jatuh dalam sesetengah peringkat.

(f) **Pulangan Tidak Dijamin**

IAH harus mengetahui bahawa tiada jaminan ke atas sebarang pulangan iaitu agihan pendapatan atau naik nilai modal dengan melabur di dalam DIA-i Global Sukuk. Tidak seperti deposit yang diletakkan secara terus oleh IAH ke dalam mana-mana institusi kewangan yang membawa kadar pulangan tertentu, DIA-i Global Sukuk tidak menjamin atau memberi sebarang kadar pulangan yang tetap.

(g) **Risiko kerugian modal**

Sebarang pelaburan membawa risiko pengurangan dalam nilai modal yang dilaburkan. Oleh itu, Bank dan Pengurus Dana Luaran yang dilantiknya hanya akan melaburkan DIA-i Global Sukuk di dalam aset yang dipelbagaikan menurut objektif pelaburan yang dirancang serta atribut risiko dan menggunakan keputusan pelaburan yang munasabah.

(h) **Risiko Kredit**

Risiko ini boleh timbul apabila jumlah aset DIA-i Global Sukuk yang besar menjadi ingkar. Perkara ini akan diuruskan oleh Bank dengan pilihan berhemat portfolio aset yang dipelbagaikan dan pemeriksaan rapi terhadap prestasi aset terpilih.

(i) **Risiko Keputusan Pelaburan**

Risiko ini terpakai sekiranya peruntukan aset untuk dilaburkan tidak selari dengan gerakan pasaran. Oleh itu, pemilihan secara berhati-hati dan tadbir urus yang sesuai harus digunakan oleh Bank dan Pengurus Dana Luaran yang dilantiknya dalam proses membuat keputusan.

(j) **Risiko Tidak Patuh Kawal Atur**

Situasi tersebut berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter pelaburan yang ditetapkan oleh pengawal atus berkaitan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank dan Pengurus Dana Luaran yang dilantiknya menurut keseluruhan polisi dan prosedurnya.

(k) **Risiko Tidak Patuh Syariah**

Kegagalan untuk mematuhi fatwa Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (“BNM”) atau badan global yang berkaitan boleh menyebabkan pelanggaran. Keadaan tersebut harus diselia dengan rapi oleh Jawatankuasa Syariah Bank.

(l) **Risiko Negara**

Kestabilan politik dan ekonomi negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi Portfolio Pelaburan.

(m) **Risiko Industri/Sektor**

Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaiannya dan pemilihan secara berhati-hati terhadap pendedahan industri/sektor adalah amat penting terhadap Bank dalam menguruskan risiko tersebut.

**5.2 Risiko Tertentu DIA-i Global Sukuk**(a) **Risiko tertentu syarikat**

Risiko tertentu terhadap aset Sukuk oleh syarikat terpakai kerana terdapat keadaan yang buruk atau sentimen negatif di mana syarikat boleh terdedah secara unik, sama ada dari pandangan isu pengurusan, asas perniagaan yang merosot atau kehilangan daya saing. Sebagai akibatnya, harga aset Sukuk oleh syarikat tersebut mungkin jatuh dan seterusnya mempengaruhi prestasi DIA-i Global Sukuk. Impak syarikat tertentu boleh menurun kerana DIA-i Global Sukuk melabur dalam portfolio pelaburan yang luas dan terdiri daripada sekuriti patuh Syariah yang dikeluarkan oleh pelbagai syarikat lalu memperluas elemen risiko ini melalui kepelbagaiannya tersebut.

(b) **Risiko kadar keuntungan**

Ini merujuk kepada risiko bahawa Portfolio Pelaburan DIA-i Global Sukuk boleh menurun secara am akibat gerakan kadar keuntungan masa hadapan. Risiko kadar keuntungan secara khususnya ditanggung oleh aset yang membawa keuntungan, seperti pengeluaran Sukuk dan instrumen pasaran wang patuh Syariah. Sekiranya aset yang membawa keuntungan dipegang sehingga matang, perubahan kadar keuntungan tidak akan mempengaruhi hasil aset yang membawa keuntungan. Namun begitu, pelabur harus mengetahui bahawa

sama ada DIA-i Global Sukuk akan menyimpan sebarang aset yang membawa keuntungan sehingga matang akan bergantung pada perubahan sebenar dan dijangka dalam kadar keuntungan.

Bank cuba mengurangkan risiko kadar keuntungan DIA-i Global Sukuk dengan menguruskan struktur tempoh aset yang membawa keuntungan menurut pandangan Bank terhadap trend kadar keuntungan masa hadapan. Apabila kadar keuntungan dijangka meningkat, DIA-i Global Sukuk akan bertukar kepada aset yang membawa keuntungan dengan tempoh lebih singkat dan kurang sensitif terhadap perubahan kadar keuntungan.

(c) Risiko Matawang

Disebabkan pelaburan dalam aset Sukuk boleh didenominasi dalam matawang selain matawang asas Ringgit Malaysia, sebarang turun naik dalam kadar pertukaran di antara matawang asas dan matawang di mana pelaburan didenominasikan boleh mempunyai impak ke atas pelaburan ini.

(d) Risiko Lalai

Risiko ini akan timbul apabila pengeluar Sukuk atau instrumen pasaran wang patuh Syariah gagal membuat bayaran keuntungan dan/atau bayaran prinsipal tepat pada masanya pada tarikh matang. Aset Sukuk dan deposit patuh Syariah yang DIA-i telah laburkan atau diletakkan dengan korporat atau institusi kewangan juga terdedah kepada risiko lalai. Jika pengeluar atau institusi kewangan menjadi tidak mampu bayar, IAH boleh mengalami kerugian modal berkenaan dengan modalnya yang dilaburkan dan terlepas keuntungan, lalu menyebabkan prestasi DIA-i terjejas dengan teruk.

IAH diingatkan bahawa risiko yang disenaraikan di atas tidak menyeluruh dan jika perlu, mereka harus berunding dengan penasihat mereka, cth. jurubank mereka, peguam, penasihat Syariah, broker saham atau penasihat profesional bebas untuk pemahaman risiko yang lebih baik.

### 5.3 Strategi Pengurusan Risiko

- (a) Pengurusan risiko adalah bahagian yang penting dalam proses pengurusan pelaburan bank. Bank mengambil langkah-langkah seperti strategi peruntukan aset bagi menguruskan risiko portfolio. Apabila keperlahan adalah dijangka di dalam pasaran pendapatan tetap, dan risiko kecairan adalah tinggi, Bank akan mengurangkan perkadarannya dalam Global Sukuk patuh Syariah kepada had minimum sebanyak 0%, dan meningkatkan peruntukan asetnya kepada aset kecairan patuh Syariah untuk melindungi DIA-i Global Sukuk. Pendedahan DIA-i Global Sukuk juga akan diperluas merentasi pelbagai sektor, rakan niaga dan syarikat kerana strategi kepelbagaian juga diiktiraf oleh Bank sebagai strategi pengurusan risiko yang penting bagi DIA-i Global Sukuk.
- (b) Bagi memastikan bahawa DIA-i Global Sukuk diuruskan di dalam garis panduan yang telah ditetapkan, prosedur dan parameter yang sesuai dilaksanakan untuk menguruskan risiko yang terpakai terhadap DIA-i Global Sukuk. Pemeriksaan tetap, semakan dan pelaporan juga dijalankan oleh Bank untuk memastikan bahawa objektif pelaburan DIA-i Global Sukuk dipenuhi.

## (6) TANDA ARAS DIA-i GLOBAL SUKUK

Tanda aras untuk DIA-i Global Sukuk adalah tanda aras yang diagregatkan, terdiri daripada 12 bulan kadar keuntungan indikatif tahunan Akaun-i Pelaburan Am (“GIA-i”) dan pulangan harga tahunan Indeks 7-10 tahun Perbendaharaan AS. Pulangan tanda aras akan mempertimbangkan perkara berikut: -

- (a) Pulangan setahun adalah indikatif dan tidak dijamin. Ia hanya merupakan langkah untuk membandingkan prestasi DIA-i Global Sukuk;
- (b) Bagi perbandingan dengan tanda aras, kadar pulangan wajaran masa akan digunakan; dan
- (c) DIA-i Global Sukuk menyasarkan untuk mencapai bayaran keuntungan tahunan melebihi tanda aras.

## (7) PENILAIAN PORTFOLIO PELABURAN

### (a) Sekuriti boleh dipasarkan patuh Syariah

Penilaian sekuriti boleh dipasarkan patuh Syariah yang disenaraikan adalah berdasarkan harga pasaran dagangan terakhir yang dilakukan bagi sekuriti boleh dipasarkan patuh Syariah, iaitu harga pada penghujung Hari Perniagaan tertentu. Contohnya, pelaburan DIA-i Global Sukuk dalam sekuriti boleh dipasarkan patuh Syariah yang disenaraikan dan disebut harga dalam bursa yang diluluskan oleh pengawal atur Malaysia akan dinilai pada 5.30 petang. Bagi pelaburan di dalam pasaran asing, penilaian akan disebut harga menurut badan tadbir urus bagi negara masing-masing dan/atau indeks Syariah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dalam kes keluaran langganan baharu, yang belum didagangkan, penilaian akan dilakukan pada kos.

Namun begitu, jika:-

- (i) penilaian berdasarkan harga pasaran tidak mewakili nilai sekuriti yang saksama, contohnya semasa keadaan pasaran tidak normal; atau
- (ii) harga pasaran tidak didapati, termasuk sekiranya berlaku penggantungan dalam sebut harga sekuriti untuk tempoh melebihi 14 hari, atau tempoh yang lebih singkat seperti yang dipersetujui oleh Penjaga,

maka sekuriti akan dinilai pada nilai saksama, seperti yang ditetapkan secara jujur oleh Bank berdasarkan kaedah atau asas yang dibenarkan oleh Penjaga selepas rundingan teknikal yang sesuai.

Bagi sekuriti patuh Syariah yang tidak disenaraikan ia dinilai pada nilai saksama yang ditetapkan secara jujur oleh Bank dan Pengurus Dana Luarannya.

### (b) Penempatan dalam deposit patuh Shariah

Tawaran di dalam deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan dinilai setiap hari dengan merujuk kepada nilai Portfolio Pelaburan tersebut dan keuntungan terakru ke atasnya untuk tempoh yang berkaitan.

(c) Instrumen pasaran wang patuh Syariah

Instrumen pasaran wang patuh Syariah dinilai setiap hari pada kos, diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskaun melebihi nilai taranya pada masa pemerolehan, kurang peruntukan untuk sebarang kemerosotan dalam nilai.

(d) Aset Pembiayaan

Bank akan menjalankan penilaian dalam aset pembiayaan di dalam Portfolio Pelaburan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) yang akan dijalankan secara bulanan. Pulangan bersih daripada aset pembiayaan akan mengambil kira hasil kasar portfolio aset pembiayaan dan peruntukan kemerosotan yang dilampirkan kepadanya.

Bagi tujuan pengiraan NAV harian, keuntungan daripada pembiayaan akan terakru secara harian.

**(8) TERMA DAN SYARAT AM**8.1 Garis Panduan Pelaburan Syariah

- (a) Pada setiap masa, dana DIA-i Global Sukuk akan dilaburkan di dalam sekuriti yang dibenarkan di bawah prinsip Syariah dan tidak akan dilaburkan di dalam sekuriti yang dilarang di bawah prinsip Syariah berdasarkan parameter penasihat Syariah yang telah ditetapkan.
- (b) Bagi pelaburan di dalam pasaran asing, DIA-i Global Sukuk akan dilaburkan di dalam sekuriti yang disenaraikan di bawah senarai sekuriti patuh Syariah yang dikeluarkan oleh badan tadbir urus Syariah tempatan bagi negara masing-masing dan/atau indeks Syariah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

8.2 Zakat untuk DIA-i

DIA-i Global Sukuk tidak membayar zakat bagi pihak individu Muslim dan entiti islam yang sah yang merupakan IAH DIA-i Global Sukuk. Oleh itu, IAH dinasihatkan untuk membayar zakat mereka sendiri.

8.3 Pembekuan DIA-i Global Sukuk

- (1) IAH dengan ini bersetuju bahawa Bank pada bila-bila masa berhak, atas budi bicaranya yang akan dilaksanakan sewajarnya, dan dengan atau tanpa sebarang notis terlebih dahulu kepada IAH dan tanpa memberi sebarang sebab atau butiran dengannya, melakukan Pembekuan DIA-i Global Sukuk selepas tetapi tidak terhad kepada berlakunya salah satu daripada peristiwa berikut:
  - (a) selepas Bank dimaklumkan atau mengetahui bahawa IAH telah melakukan perkara insolvensi dan/atau selepas Bank dimaklumkan atau mengetahui tentang sebarang notis di bawah Seksyen 466(1) Akta Syarikat 2016, dikemukakan terhadap IAH, dan/atau mengetahui tentang tindakan kemulflisan di bawah Akta Insolvensi 1967 yang telah dilakukan oleh IAH, sehingga waktu tersebut Bank menerima arahan selanjutnya tentang operasi DIA-i Global Sukuk IAH daripada Pemegang Serah Hak Rasmi;

- (b) selepas Bank diberitahu dan/atau diminta oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan kompeten;
- (c) selepas Bank mengesyaki sebarang aktiviti penipuan berkaitan dengan IAH dan Bank pada pendapat sewajarnya berpandangan bahawa maklumat/dokumen yang diberi kepada Bank untuk pembukaan DIA-i Global Sukuk didapati palsu dan/atau tidak tepat dan/atau diusik dan/atau salah nyata identiti;
- (d) sekiranya Bank, pihak polis dan/atau pihak berkuasa berkaitan dan kompeten menjalankan sebarang siasatan ke atas sebarang urus niaga haram atau urus niaga haram disyaki yang dijalankan melalui DIA-i, salah guna atau mengesyaki sebarang salah guna ke atas DIA-i Global Sukuk atau sebarang urus niaga palsu berkenaan DIA-i Global Sukuk termasuk tetapi tidak terhad kepada mendepositkan cek di mana IAH tidak berhak mendapat faedah;
- (e) menurut sebarang laporan polis yang dibuat ke atas IAH dan/atau berkenaan DIA-i Global Sukuk, oleh Bank atau mana-mana orang lain;
- (f) sekiranya sebarang kemudahan yang diberi kepada IAH sedang digunakan melalui DIA-i Global Sukuk IAH telah digantung atau ditamatkan untuk apa juar sebab;
- (g) sekiranya berlaku kematian IAH dan/atau penandatangan berwenang untuk mengendalikan akaun bagi perkongsian dan/atau syarikat atau sebarang entiti perundangan, Bank akan terus membekukan DIA-i Global Sukuk IAH sehingga mandat baharu atau penandatangan berwenang baharu diberi kepada Bank;
- (h) selepas Bank mengetahui tentang sebarang cek dan/atau instrumen kewangan dan/atau jumlah yang telah dikreditkan ke dalam DIA-i Global Sukuk adalah hasil sebarang instrumen dan/atau arahan yang dipalsukan dan/atau diusik dan/atau urus niaga palsu, dengan atau tanpa penglibatan IAH;
- (i) selepas Bank mengetahui aduan yang dibuat oleh pihak ketiga dengan pihak berkuasa berkaitan dan kompeten bahawa DIA-i Global Sukuk telah digunakan untuk menjalankan sebarang urus niaga dan/atau tawaran palsu dan/atau penipuan dan/atau mendapatkan deposit haram, dengan syarat seterusnya budi bicara Bank ke atas Pembekuan DIA-i adalah pada pendapat dan budi bicaranya berdasarkan siasatan dalamannya sendiri atau maklumat yang tersedia untuknya oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan kompeten;
- (j) menurut keterhutangan yang belum terlunas dan perlu dibayar oleh IAH kepada Bank, untuk membolehkan Bank melaksanakan haknya bagi menolak selesai keterhutangan kepada Bank;
- (k) selepas Bank mengetahui bahawa keupayaan mental IAH untuk menguruskan DIA-i Global Sukuk adalah diragui;
- (l) selepas penguatkuasaan sebarang syarat atau arahan kawal atur tertentu yang terpakai untuk DIA-i Global Sukuk termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tempoh terkunci, kekurangan kecairan, bencana alam, sebarang krisis kewangan/ekonomi seperti kejatuhan

pasaran saham atau kejatuhan pasaran harta tanah, sebarang kegagalan operasi seperti bekalan elektrik terputus berskala besar atau kegagalan sistem;

- (m) di mana kepentingan IAH sebagai pemegang akaun akan dipengaruhi dengan banyak jika urusan tidak tergantung atau apabila penebusan di dalam DIA-i Global Sukuk melebihi paras kecairan DIA-i Global Sukuk dan apabila Bank tidak dapat memenuhi permintaan penebusan DIA-i Global Sukuk atau di bawah sebarang situasi apabila pulangan ke atas portfolio aset sandaran DIA-i Global Sukuk menjadi negatif dan/atau apabila Bank perlu memberi kecairan kepada DIA-i akibat ketakcairan aset DIA-i Global Sukuk dan kadar pasaran untuk pendanaan adalah tinggi secara tidak seimbang yang boleh menyebabkan kerugian yang tinggi kepada IAH atau selepas berlakunya peristiwa tersebut yang dianggap oleh Bank dalam apa jua cara dari masa ke masa; atau
  - (n) berlakunya atau kewujudan Perkara Dalaman.
- (2) IAH seterusnya bersetuju bahawa Pembekuan DIA-i Global Sukuk yang tersebut di atas akan dihentikan atau ditamatkan selepas berlakunya mana-mana tetapi tidak terhad bagi peristiwa berikut:
- (a) berkenaan dengan perkara insolvensi, ia harus ditunjukkan sehingga Bank berpuas hati dengan IAH bersama bukti bersesuaian bahawa petisyen untuk pembubaran atau kemuflisan telah ditarik atau digugurkan secara sah atau permohonan telah digugurkan atau dikeluarkan oleh Mahkamah atau di mana sesiapa atau lebih ramai pengarah dihukum muflis, Bank diberi mandat baharu bagi perubahan penandatangan DIA-i Global Sukuk dan berpuas hati bahawa mandat baharu tersebut telah dibenarkan sewajarnya oleh lembaga pengarah, atau selepas Bank diberi perintah mahkamah yang sesuai untuk menyekat penamatan Pembekuan DIA-i Global Sukuk;
  - (b) berkenaan dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dan kompeten, Bank telah diberitahu secara bertulis oleh pihak berkuasa untuk memantulkan penamatan Pembekuan DIA-i Global Sukuk atau secara alternatif satu perintah mahkamah bersesuaian telah diberi kepada Bank yang menyekat Pembekuan DIA-i Global Sukuk, walaupun arahan tersebut telah tamat tempoh;
  - (c) berkenaan dengan siasatan oleh Bank, polis atau pihak berkuasa yang berkaitan, Bank berpuas hati bahawa tiada siasatan selanjutnya diperlukan atau Bank telah diberi pemberitahuan oleh polis atau pihak berkuasa yang berkaitan bahawa siasatan telah dihentikan dan DIA-i Global Sukuk tidak lagi mempunyai sebarang kaitan pada mana-mana siasatan yang sedang berjalan;
  - (d) berkenaan dengan kematian IAH, selepas Bank diberi kebenaran probet atau surat pentadbiran oleh pengganti si mati atau sebarang bentuk berkaitan yang lain dari pejabat tanah dan/atau sebarang badan dibenarkan yang lain di bawah perundangan berkaitan yang lazim pada waktu tersebut, atau mandat baharu dengan penandatangan berwenang baharu untuk mengendalikan perkongsian dan/atau akaun syarikat atau entiti tersebut diberi kepada Bank; dan

- (e) berkenaan dengan jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank, selepas Bank melaksanakan haknya yang sah untuk menolak selesai jumlah tersebut ke atas baki DIA-i Global Sukuk.
- (3) Dalam Pembekuan DIA-i Global Sukuk menurut terma dan syarat di dalam ini, termasuk sebarang tindakan yang mungkin diambil oleh Bank seperti mengembalikan sebarang cek atau instrumen lain sama ada didepositkan untuk kutipan atau bayaran seperti yang diperuntukkan di dalam ini, IAH bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk dan/atau dianggap bertanggungjawab bagi sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan, kos atau caj yang mungkin ditanggung oleh IAH dan/atau dituntut ke atas Bank atau yang mungkin ditanggung oleh Bank (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan klien) dan berkenaan dengan itu, dan kecuali setakat yang dipersetujui secara nyata di sini, IAH seterusnya bersetuju untuk memastikan Bank ditanggung rugi sepenuhnya ke atas sebarang tuntutan bagi ganti rugi, kerugian, perbelanjaan, kos atau caj (termasuk kos guaman atas dasar peguam cara dan klien) yang mungkin dibuat ke atas Bank atau mana-mana pihak yang lain.
- (4) IAH seterusnya bersetuju bahawa sekiranya Bank disaman atau akan menjadi pihak dalam mana-mana tuntutan yang timbul akibat tindakan Bank dalam Pembekuan DIA-i Global Sukuk di dalam ini atau sekiranya Bank sebelum atau selepas Pembekuan DIA-i memulakan sebarang tuntutan ke atas mana-mana pihak termasuk IAH untuk sebarang pelepasan atau pengisytiharan yang sesuai yang akan dibuat oleh mana-mana mahkamah, semua penalti, kerugian, ganti rugi, perbelanjaan tuntutan, caj dan kos (guaman atau lain-lain termasuk kos pada dasar peguam cara dan klien) yang boleh diberikan terhadap Bank atau yang mungkin ditanggung oleh bank, akan ditanggung rugi oleh IAH.
- (5) IAH seterusnya bersetuju bahawa semua cek atau instrumen lain yang dikembalikan atau ditolak oleh bank sama ada untuk bayaran atau kutipan sebagai akibat Pembekuan DIA-i Global Sukuk akan menanggung atau disertakan dengan kenyataan sesuai yang difikirkan oleh Bank dan IAH juga seterusnya bersetuju bahawa Bank bertindak menurut mana-mana terma yang ditetapkan di dalam fasal ini tidak akan dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan dan/atau kos apa sahaja yang mungkin dituntut ke atas Bank walau bagaimanapun ia timbul, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebab kenyataan bertulis yang disertakan dengan pemulangan cek atau instrumen lain atau atas alasan bahawa Bank belum diberitahu tentang peristiwa berkaitan yang disebut di atas di dalam fasal ini dengan alasan pemberitahuan tersebut adalah tidak biasa, tidak sah, tersilap, tersalah, terbatal, tidak bekruat kuasa atau dengan alasan atau mana-mana alasan lain.

#### 8.4 Notis & Penafian

- (a) Sebarang perubahan dalam alamat e-mel dan/atau alamat surat-menyurat dan/atau nombor telefon atau butiran lain IAH dengan Bank harus diberitahu secukupnya kepada Bank.
- (b) Semua komunikasi yang dhantar oleh Bank melalui e-mel, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), laman web harus dianggap telah dihantar dan diterima oleh IAH, melainkan terdapat bukti bercanggah bahawa notis atau komunikasi tersebut sebenarnya tidak diterima.

- (c) Semua maklumat yang perlu didedahkan oleh Bank akan didedahkan dalam maklumat saksama, tepat, jelas dan tepat pada masanya kepada IAH.
- (d) Bank akan memberitahu IAH dengan segera tentang sebarang perubahan material dalam persekitaran pelaburan dan langah bersesuaian yang akan dilaksanakan selepas perkmebanan ini.
- (e) Bank akan memberi maklumat kewangan yang benar dan saksama kepada IAH dan laporan prestasi ke atas prestasi DIA-i Global Sukuk yang akan diterbitkan oleh Bank di laman webnya di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) sama ada secara suku tahunan atau pada selang masa lain yang akan ditetapkan oleh Bank.

#### 8.5 Kos, Bayaran & Caj

- (a) IAH bersetuju bahawa Bank berhak untuk mengenakan bayaran dan caj yang tersedia di laman web Bank, bagi sebarang perkhidmatannya yang diberi kepada IAH dalam peranannya sebagai ejen yang dilantik, dan sebarang bayaran lain termasuk tetapi tidak terhad kepada caj jualan ke atas jumlah pelaburan yang diletakkan di dalam DIA-i Global Sukuk untuk dibayar pendahuluan menurut amalan Bank. Bayaran dan caj tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan, jika ada) akan ditanggung oleh IAH. Bayaran dan juga akan tersedia di laman web Bank di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) dalam Helaian Pendedahan Produk.

Bayaran dan Caj	Huraian
Bayaran Wakalah (Bayaran Pengurusan Tahunan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Individu, SME/BBs: 1.00% setahun daripada NAV</li> <li>• Institusi/Korporat: 0.50% setahun daripada NAV</li> </ul>
Caj Jualan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua golongan: 0.50% daripada jumlah pelaburan berdasarkan NAV pada waktu jualan</li> </ul>
Bayaran Pemegang Amanah Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua golongan: 0.05% setahun daripada NAV</li> </ul>
Bayaran Penebusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada</li> </ul>

Semua bayaran dan caj akan ditolak daripada dana Pelaburan daripada IAH menurut jadual di atas seperti yang dipersetujui oleh IAH untuk DIA-i Global Sukuk.

- (b) Tertakluk kepada prinsip Syariah, Bank berhak untuk mempelbagaikan bayaran perkhidmatan tersebut, komisen dan lain-lain caj pada bila-bila masa dan dari masa ke masa dengan notis sebelumnya selama dua puluh satu (21) hari calendar.
- (c) Sekiranya Bank diperlukan oleh undang-undang untuk menahan sebarang jumlah, Bank berhak untuk menolak daripada sebarang jumlah belum dibayar kepada IAH sebarang penahanan atau lain-lain cukai atau caj yang perlu dibayar berkenaan dengan sebarang pendapatan atau keuntungan ke atas jumlah tertunggak dalam akaun Pelaburan.

### 8.6 Force Majeure

Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap IAH untuk sebarang kesulitan, perbelanjaan kecederaan, liabiliti, ganti rugi, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik jika:

- (a) Bank tidak dapat menjalankan mana-mana kewajipannya di bawah ini atau memberi mana-mana perkhidmatannya seperti yang ditetapkan di dalam ini akibat Force Majeure; atau
- (b) jika dana dikreditkan atau didebitkan daripada DIA-i Global Sukuk menjadi tidak dapat diakses atau berkurang dalam nilai akibat Force Majeure.

### 8.7 Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS)

Menurut pengenalan oleh Bank Negara Malaysia ke atas Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (CTCS), IAH bersetuju dan mengiktiraf perkara berikut: -

- (a) penggunaan cop getah/ meterai peribadi di atas cek adalah tidak dibenarkan.
- (b) pendebitan dana DIA-i Global Sukuk adalah berdasarkan imej cek yang diberi memandangkan cek asal akan diletakkan dengan bank kutipan.
- (c) sebarang permintaan untuk cek asal supaya dikembalikan kepada IAH selepas bayaran dibuat tidak akan dipertimbangkan oleh Bank. Jika ada, Bank hanya akan dapat memberi imej cek berbanding cek fizikal.
- (d) bagi cek yang dikembalikan ke dalam, Bank tidak lagi dapat mengembalikan kepada IAH cek asal dan hanya boleh dimajukan kepada IAH sama ada dokumen pengembalian ke dalam (dengan satu salinan imej cek asal) atau notis cek tak laku pada risiko dan perbelanjaan IAH sendiri.

### 8.8 Pendedahan Maklumat Pelanggan dan Tarikh Peribadi di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (“IFSA”) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”)

IAH membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengumpul, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi IAH kepada entiti lain di dalam Kumpulan Maybank termasuk cawangannya di Malaysia dan di negara lain serta anak syarikat tempatan dan luar negara dan lain-lain pihak luaran. Bank namun begitu bersetuju untuk tidak mendedahkan data peribadi tersebut kepada pihak ketiga melainkan ia:

- (a) untuk mematuhi arahan atau permintaan yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia di bawah sebarang undang-undang bertulis bagi tujuan siasatan atau pendakwaan kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis;
- (b) diperlukan oleh Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia di bawah Seksyen 81 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi tujuan mempermudahkan pertukaran maklumat menurut aturan atau perjanjian pencukaian yang berkuat kuasa di bawah Seksyen 132 atau 132A Akta Cukai Pendapatan 1967;
- (c) berkaitan dengan prestasi sebarang tugas penyeliaan oleh pihak berkuasa berkaitan di luar Malaysia yang melaksanakan fungsi sepadan dengan fungsi Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;

- (d) berkaitan dengan pengendalian fungsi berpusat, yang termasuk audit, kewangan pengurusan risiko atau teknologi maklumat atau sebarang fungsi berpusat lain di dalam kumpulan syarikat Bank (apabila terpakai);
- (e) berkaitan dengan amalan usaha wajar yang dibenarkan oleh lembaga pengarah Bank berhubungan dengan penggabungan dan pemerolehan, amalan penjanaan modal atau jualan aset atau keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan;
- (f) untuk prestasi fungsi bank dengan sumber luar; dan/atau
- (g) perlu menjalankan dan melengkapkan urus niaga atau sebarang arahan atau mandat lain yang diberi oleh IAH.

8.8.1 IAH juga membenarkan dan bersetuju supaya Bank mengendalikan pemeriksaan kredit dan pengesahan maklumat yang diberi oleh IAH di dalam permohonan IAH untuk DIA-i atau perkhidmatan dengan mana-mana biro atau perbadanan kredit yang dibuat untuk tujuan mengumpulkan dan memberi kredit atau maklumat lain.

8.8.2 Selanjutnya dan tanpa prejudis terhadap 8.8.1 di atas, IAH juga dengan ini membenarkan secara nyata terhadap pendedahan Bank bagi keadaan kewangan, butiran akaun, hubungan IAH dengan Bank termasuk baki kredit kepada:

- (a) pihak berkuasa kerajaan atau kawal atur di Malaysia dan tempat lain, termasuk Bank Negara Malaysia, Biro Kredit, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), Cagamas Berhad, Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia Berhad;
- (b) entiti di bawah Kumpulan Maybank;
- (c) pihak yang menyediakan perkhidmatan (termasuk vendor sumber luar, peguam, penama, penjaga, depositori atau pendaftar sekuriti berpusat, ejen pengutip hutang) kepada Bank;
- (d) ejen, perunding dan penasihat profesional Bank;
- (e) pemegang serah hak Bank atau mana-mana Kumpulan Maybank;
- (f) mana-mana orang atau entiti lain di mana pendedahan dibenarkan atau diperlukan oleh sebarang undang-undang, peraturan, arahan kerajaan atau permintaan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang permintaan oleh Polis atau mana-mana pegawai penyiasat lain yang menjalankan sebarang siasatan dan, melainkan dan setakat yang ditetapkan sebaliknya oleh Pihak Berkuasa berkaitan, IAH mengakui bahawa pendedahan tersebut adalah diperlukan untuk mempermudahkan prestasi dan fungsi Bank seperti yang ditetapkan di dalam ini.

8.8.3 Bank boleh, tertakluk kepada pematuhan peraturan atau garis panduan kawal atur yang terpakai, menggunakan atau mengaplikasi sebarang maklumat berkaitan dengan IAH yang dikumpulkan, disusun, atau diperoleh Bank melalui atau dengan apa jua cara dan kaedah untuk tujuan tersebut seperti yang ditetapkan oleh Bank. Bank namun begitu tidak akan berkongsi maklumat berkaitan dengan IAH kepada mana-mana entiti lain di dalam Kumpulan Maybank bagi tujuan jualan silang produk dan perkhidmatan, di mana IAH telah memilih keluar daripada perkara yang sama secara bertulis sama ada pada waktu pembukaan DIA-I berkaitan atau selepas itu.

Selanjutnya, Bank hanya akan mendedahkan maklumat IAH kepada pihak ketiga yang lain (di luar Kumpulan Maybank) untuk tujuan pemasaran dan promosi di mana IAH telah memilih perkara yang sama, secara bertulis, pada waktu pembukaan DIA-i Global Sukuk yang berkaitan atau pada bila-bila masa selepas itu.

- 8.8.4 Tertakluk kepada kebenaran nyata IAH, IAH dengan ini bersetuju bahawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi IAH dari masa ke masa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilakukan melalui sebarang cara komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon mengenai sebarang produk atau perkhidmatan melainkan tidak dibenarkan secara bertulis oleh IAH.
- 8.8.5 IAH juga mengisyiharkan bahawa semua maklumat peribadi dan data yang diberi kepada Bank adalah benar, terkini dan tepat dan sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap mana-mana maklumat peribadi atau data yang diberi, IAH akan memberitahu Bank dengan segera melalui notis bertulis. IAH mengiktiraf bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab dan IAH akan menanggung rugi Bank bagi sebarang kerugian atau ganti rugi yang mungkin timbul akibat kegagalan atau penangguhan IAH untuk memberi kemas kini kepada Bank bagi sebarang perubahan terhadap maklumat IAH dan butiran mengenai IAH dan/atau DIA-i Global Sukuk IAH.

#### 8.9 Kebolehasingan dan Penepian

- (a) Jika sebarang Terma dan Syarat didapati tidak sah atau dilarang, ia akan menjadi tidak berkuat kuasa hanya terhadap bahagian tidak sah atau dilarang bagi Terma dan Syarat tersebut. Terma dan Syarat yang lain tidak akan terjejas.
- (b) Sebarang penepian atau penurutan yang dibenarkan tidak akan menghalang Bank daripada menguatkuaskan bahagian lain dalam Terma dan Syarat ini yang tidak terjejas oleh penepian atau penurutan tersebut, atau hak lain atau memerlukan Bank untuk membenarkan penurutan selanjutnya. Hak dan remedii yang diberi oleh undang-undang tidak dikecualikan oleh Terma dan Syarat ini.

#### 8.10 Undang-undang Tadbir Urus

Terma dan Syarat ini akan ditadbir urus oleh undang-undang di Malaysia. Bank akan memulakan prosiding terhadap IAH di Malaysia atau tempat lain, tanpa mengira tempat tinggal atau perniagaan IAH atau tempat di mana DIA-i Global Sukuk diselenggara.

#### 8.11 Perikatan Pengganti

Terma dan Syarat ini akan mengikat kepada waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik IAH serta pengganti hak milik dan penyerah hak Bank. IAH tidak akan menyerah mana-mana hak dan kepentingan IAH di dalam DIA-i atau perkhidmatan yang dijalankan oleh bank seperti yang ditetapkan di dalam ini. Kewajipan dan liabiliti IAH akan diteruskan walaupun terdapat perubahan melalui penggabungan, pembentukan semula atau lain-lain dalam perlembagaan Bank.

#### 8.12 Prosedur Keselamatan

- (a) IAH dengan ini bersetuju untuk menyimpan Butiran Keselamatan IAH berkaitan dengan DIA-i Global Sukuk IAH, sulit dan peribadi kepada IAH dan akan

mengambil semua langkah pencegahan yang munasabah pada setiap masa untuk mencegah penggunaannya yang tidak dibenarkan atau palsu.

- (b) IAH dengan ini mengiktiraf bahawa IAH tidak boleh mendedahkan, menjelaskan, berkongsi atau sebaliknya memberi akses terhadap Butiran Keselamatan IAH sebarang maklumat sulit lain berkaitan dengan DIA-i Global Sukuk IAH kepada mana-mana orang lain atau merakam Butiran Keselamatan IAH termasuk tetapi tidak terhad kepada buku simpanan/Kad ATM/kata laluan perbankan elektronik dan nombor PIN dan sebarang maklumat sulit yang lain berkenaan dengan DIA-i Global Sukuk IAH, dalam sebarang cara yang boleh menyebabkan ia diketahui oleh orang lain.
- (c) Sekiranya berlaku:
  - (i) Butiran Keselamatan IAH (atau mana-mana bahagian dengannya), telah dilanggar, terjejas atau sebaliknya diakses oleh pihak ketiga, untuk sebarang sebab; atau
  - (ii) IAH kehilangan tersalah letak sebarang Butiran Keselamatan (atau mana-mana bahagian dengannya); atau
  - (iii) urus niaga yang tidak dibenarkan telah dijalankan berkenaan dengan DIA-i Global Sukuk IAH;

IAH dengan ini berjanji bahawa IAH akan serta-merta dan tanpa tertangguh memberitahu Bank dan memberi semua maklumat berkaitan seperti yang diperlukan oleh Bank.

#### 8.13 Cukai

- (a) Sebarang cukai atau levi kini atau selepas ini yang dikenakan oleh undang-undang atau perlu dibayar berkenaan dengan sebarang wang yang perlu dibayar kepada atau diterima oleh bank pada sebarang perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Bank (kecuali di mana dilarang oleh undang-undang) akan ditanggung oleh IAH.
- (b) IAH bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendebit DIA-i Global Sukuk IAH untuk cukai atau levi yang perlu dibayar oleh IAH. Sekiranya pendebitan tersebut menyebabkan DIA-i Global Sukuk IAH terlebih keluar, caj pada kadar lazim Bank akan dikenakan sewajarnya kepada IAH.

#### 8.14 Pematuhan dengan Keperluan Kawal Atur

- (a) IAH dengan ini mengesahkan bahawa semua urus niaga yang dijalankan di bawah akaun IAH adalah mengikut undang-undang sepenuhnya dan IAH bersetuju untuk mematuhi sebarang keperluan kawal atur dan akan mendedahkan semua maklumat yang diperlukan kepada Bank. Maklumat yang didedahkan oleh IAH akan dianggap tepat dan muktamad kepada Bank bagi memproses urus niaga.
- (b) IAH dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak untuk menahan sebarang dana yang berada di dalam akaun IAH bagi memastikan pematuhan dengan keperluan kawal atur berkaitan dan bank berhak untuk mendebit akaun IAH sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap keperluan kawal atur berkaitan.
- (c) IAH dengan ini bersetuju bahawa bank atas budi bicaranya, berhak menolak sebarang urus niaga termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan

dan/atau urus niaga ke luar yang dibuat oleh IAH pada bila-bila masa sekiranya Bank tidak berpuas hati dengan dokumen sokongan yang diberi.

#### 8.15 Perubahan terhadap Terma dan Syarat

- (a) Bank berhak untuk menambah, mengubah suai atau memadam mana-mana Terma dan Syarat ini, seperti yang dianggap sesuai oleh Bank dan tidak melanggar Prinsip Syariah pada bila-bila masa dengan memberi dua puluh satu (21) hari kalender notis bertulis terlebih dahulu sebelum melaksanakan perubahan. Perubahan ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tercatat di dalam notis. Dalam situasi di mana perubahan dibuat menurut undang-undang atau peraturan, berciri pentadbiran atau untuk tujuan penjelasan, notis dengan tempoh yang lebih singkat atau notis segera akan diberi kepada IAH.
- (b) Notis tersebut akan diberi kepada anda menurut fasil 8.4.
- (c) Jika IAH tidak menerima perubahan tersebut, IAH harus segera menamatkan DIA-i Global Sukuk IAH. Selepas penamatan oleh IAH, agihan keuntungan, jika ada, akan dibayar kepada IAH dalam masa yang ditetapkan di dalam Helaian Pendedahan Produk.

#### 8.16 Surat Kuasa Wakil

Dalam kes di mana IAH memberi kuasa kepada orang lain untuk bertindak bagi pihak IAH berkenaan dengan DIA-i melalui Surat Kuasa Wakil (“PA”), Bank boleh tetapi tidak berada di bawah sebarang kewajipan untuk membenarkan peguam yang dilantik supaya bertindak bagi pihak IAH berkenaan dengan DIA-i. IAH perlu memberi dokumentasi PA kepada Bank yang memenuhi keperluan Bank. Peguam tidak dibenarkan untuk membuka DIA-i bagi pihak IAH. Bank berhak untuk bergantung pada PA sehingga Bank diberitahu bahawa PA telah dibatalkan. Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa peguam ini mematuhi PA atau tidak melebihi kuasa peguam di bawah PA. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, ganti rugi, perbelanjaan dan/atau kos yang dialami atau ditanggung oleh IAH sebagai akibat peguam bertindak ke atas PA.

#### 8.17 Hak Bank untuk Tolak Selesai

Bank berhak pada bila-bila masa selepas memberi IAH notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender lebih awal, untuk:-

- (a) menolak selesai atau memindahkan daripada DIA-i Global Sukuk IAH, sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada Bank berkenaan dengan sebarang kos, caj, bayaran, kewajipan kewangan atau liabiliti yang timbul akibat operasi DIA-i Global Sukuk IAH oleh Bank;
- (b) jika sebarang liabiliti adalah tertunggak dan perlu dibayar oleh IAH kepada Bank adalah kontingen atau pada masa hadapan, liabiliti Bank untuk membuat bayaran terhadap sebarang jumlah tertunggak berkenaan dengan DIA-i Global Sukuk IAH, adalah sehingga yang diperlukan untuk melindungi liabiliti, akan digantung sehingga berlakunya kemungkinan peristiwa masa hadapan,

Walau apa pun perkara di atas, Bank akan melaksanakan haknya untuk menolak selesai sebarang jumlah tertunggak berkenaan dengan operasi DIA-i Global Sukuk atas budi bicara Bank yang munasabah.

#### 8.18 Hak Bank untuk Mendebit DIA-i Global Sukuk

Bank berhak pada bila-bila masa selepas memberi IAH notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender lebih awal, atau jika situasi memerlukan dengan segera selepas memberi notis kepada IAH, mendebit jumlah tersebut di dalam DIA-i Global Sukuk bagi sebarang jumlah yang telah dikreditkan ke dalam DIA-i Global Sukuk IAH:-

- (a) jika disyaki bahawa instrumen yang digunakan, arahan yang diberi atau urus niaga sendiri telah diusik atau berdiri palsu, sama ada IAH terlibat atau tidak; atau
- (b) jika diperlukan oleh sebarang undang-undang, aturan, peraturan atau arahan pihak berkuasa; atau
- (c) jika Bank menerima arahan mahkamah untuk menguat kuasa.

Walau apa pun perkara di atas, Bank akan melaksanakan haknya untuk mendebit jumlah tersebut di dalam DIA-i Global Sukuk atas budi bicara Bank yang munasabah.

#### 8.19 Hak Bank untuk Menamatkan Dana

Dana boleh diamatkan selepas berlakunya mana-mana peristiwa di bawah:-

- (a) Pengurus memberitahu Pemegang Amanah bahawa Dana akan ditamatkan dan menetapkan tarikh penamatkan di bawah Surat Ikatan; dan
- (b) Di mana Bank di dalam keciran, atau di mana pemegang Amanah berpendapat bahawa Bank telah berhenti menjalankan perniagaan atau Bank berprasangka IAH gagal mematuhi sebarang peruntukan atau perjanjian Surat Ikatan atau melanggar sebarang peruntukan Akta, Pemegang Saham akan memanggil IAH untuk perjumpaan dan Penyelesaian Khas akan dikemukakan di perjumpaan IAH bagi menamatkan atau membubarkan Dana.

Walau apa pun yang disebut sebelumnya, selepas rundingan dengan pemegang Amanah, Bank akan menentukan untuk membubarkan Dana tanpa memerlukan kebenaran IAH terlebih dahulu selepas berlakunya mana-mana peristiwa berikut:

- (a) jika sebarang undang-undang baharu dikemukakan yang menjadikanya tidak sah; atau
- (b) jika pada pendapat Pengurus yang wajar, tidak dapat diamalkan atau tidak dinasihatkan untuk meneruskan Dana dan penamatkan Dana adalah demi kepentingan terbaik IAH.
- (c) jika Dana ditinggalkan tanpa IAH.

#### 8.20 Had Liabiliti

- (a) sehingga takat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap IAH atau mana-mana orang lain untuk sebarang kerugian secara langsung, tidak langsung, tidak sengaja, khas, turutan, punitif atau kerugian ekonomi, kerugian keutungan, kehilangan perniagaan, kehilangan penggunaan, kehilangan nama baik, kerugian simpanan atau turutan lain, perbelanjaan, kos atau ganti rugi berkenaan dengan DIA-i, Terma dan Syarat ini atau Helaian Pendedahan produk tanpa mengira kos tindakan (termasuk tort)

walaupun Bank telah dinasihatkan, atau telah menjangka, kemungkinan kerugian, ganti rugi atau perbelanjaan tersebut melainkan ia adalah akibat kecuaian, penipuan atau lalai dengan sengaja oleh Bank.

- (b) Tanpa mengira apa-apa sahaja yang bertentangan dengan Terma dan Syarat ini dan Helaian Pendedahan Produk serta hingga takat yang dibenarkan oleh undang-undang, liabiliti total Bank kepada IAH untuk sebarang tuntutan (walau apa sahaja cara ia timbul) hanya akan dihadkan kepada kerugian langsung yang sebenar yang dialami oleh IAH dan tuntutan perlu disokong oleh bukti dokumen yang memuaskan pihak Bank.

#### 8.21 Kewajipan IAH

IAH perlu:

- (a) memeriksa baki DIA-i Global Sukuk IAH;
- (b) memastikan butiran IAH adalah selamat dan sulit serta tidak mendedahkan atau memberi akses kepada pihak ketiga;
- (c) mengambil langkah pencegahan yang munasabah terhadap penggunaan yang tidak dibenarkan atau palsu bagi butiran keselamatan IAH seperti tidak merakam di dalam medium yang mudah diakses;
- (d) memeriksa semua penyata DIA-i Global Sukuk IAH tepat pada masanya dan segera memberitahu Bank jika terdapat sebarang kesalahan, ketidakteraturan, percanggahan atau urus niaga yang tidak dibenarkan;
- (e) memastikan sebarang tawaran berkaitan dengan DIA-i Global Sukuk IAH diurus niaga melalui saluran bank yang betul termasuk kaunter Bank di premis Bank. Jika sebarang tawaran dijalankan oleh IAH melalui sebarang cara lain, Bank tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kerugian, ganti rugi, penalti, caj, kos dan perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh IAH akibat tindakan IAH;
- (f) tidak menyalah guna, menjalankan aktiviti haram atau palsu melalui DIA-i Global Sukuk IAH atau membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk melakukannya;
- (g) segera memberitahu Bank jika:
  - (i) terdapat sebarang perubahan dalam butiran peribadi IAH seperti alamat tempat tinggal, alamat surat-menyerah dan nombor perhubungan IAH;
  - (ii) terdapat sebarang perubahan dalam status atau penubuhan IAH (cth. daripada syarikat persendirian atau perkongsian kepada perkongsian liabiliti terhad atau daripada keempunyaan tunggal kepada perkongsian) dan pemberitahuan tersebut akan disokong oleh sebarang dokumentasi seperti yang diperlukan oleh Bank;
  - (iii) IAH kehilangan atau tersalah letak butiran keselamatan IAH atau jika ia dilanggar, terjejas atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga;
  - (iv) IAH mengetahui sebarang urus niaga yang tidak dibenarkan atau disyaki pada DIA-i Global Sukuk IAH.

## 8.22 Mandat IAH

- (a) Jika IAH memberi mandat kepada Penandatangan Berwenang dan melainkan IAH memberi arahan sebaliknya, Penandatangan Berwenang dianggap mempunyai kuasa untuk menjalankan tindakan termasuk:
- (i) mengeluarkan atau mendebitkan sebarang Pelaburan di dalam DIA-i Global Sukuk;
  - (ii) menyelenggara dan menamatkan DIA-i Global Sukuk;
  - (iii) menggunakan Pekrhidmatan Perbankan Elektronik dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan DIA-i Global Sukuk;
  - (iv) memberi sebarang pengesahan dan arahan termasuk arahan tersedia;
  - (v) menandatangi dan mengeluarkan sebarang instrumen dan dokumen termasuk tanggung rugi yang diperlukan oleh Bank; dan
  - (vi) memohon, membatalkan, mengubah suai dan melakukan semua yang berkaitan di atas.
- (b) IAH membenarkan Bank untuk mematuhi arahan atau permintaan Penandatangan Berwenang apabila ia dibuat dalam cara yang ditetapkan atau boleh diterima kepada Bank bersama dengan sebarang butiran keselamatan dan sama ada menurut Terma dan Syarat ini dan Helaian Pendedahan Produk atau tidak, kerana ia dibuat oleh IAH.
- (c) Jika Bank menerima arahan bertentangan, tidak jelas atau apa yang dianggap oleh Bank sebagai disyaki daripada Penandatangan Berwenang, Bank mungkin memerlukan pengesahan bertulis untuk diberi oleh IAH sebelum bertindak ke atas arahan tanpa sebarang liabiliti ke atas pihak Bank.
- (d) Dalam melaksanakan Mandat, Penandatangan Berwenang perlu mematuhi Terma dan Syarat ini.
- (e) Jika Penandatangan Berwenang mengalami perkara insolvensi, tidak upaya secara mental atau meninggal dunia, IAH perlu segera memberi Mandat baharu kepada Bank. Jika IAH gagal melukannya, Bank akan membekukan DIA-i Global Sukuk menurut fasal 8.3.

## 8.23 Pengisyiharan

IAH dengan ini mengisytiharkan dan menjelaskan kepada Bank bahawa:

- (a) IAH bukannya muflis yang tidak dilepaskan dan tiada perkara insolvensi telah dikenakan terhadap IAH di bawah undang-undang Malaysia atau sebarang bidang kuasa lain;
- (b) maklumat yang diberi oleh IAH kepada bank adalah betul dan benar serta IAH dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mengesahkan perkara yang sama daripada sebarang sumber, seperti yang dianggap sesuai oleh bank atas budi bicaranya. IAH bersetuju baawa Bank boleh menutup dan menamatkan DIA-i Global Sukuk dengan segera sekiranya terdapat sebarang pengisyiharan yang dibuat oleh Pelabur di dalam ini didapati palsu atau tidak tepat;

- (c) IAH membenarkan pendedahan oleh Bank bagi sebarang maklumat di dalam ini kepada mana-mana pihak berkuasa kawal atur atau penguatkuasaan untuk tujuan mematuhi keperluan perundangan, kawal atur, pematuhan dan pengurusan risiko termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan pematuhan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”) dan Piawaian Laporan Biasa (“CRS”) yang diperlukan oleh Organisasi Untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi;
- (d) IAH membenarkan untuk penahanan daripada DIA-i yang dipunyai oleh IAH dengan Bank, jumlah tersebut dan/atau pengelasan IAH sebagai akaun yang boleh dilaporkan menurut keperluan FATCA dan/atau CRS, undang-undang, peraturan, perjanjian berkaitan, atau garis panduan atau arahan kawal atur dan/atau supaya Bank menutup DIA-i, sekiranya IAH gagal memberi maklumat dan/atau dokumentasi yang tepat dan/atau lengkap seperti yang diperlukan oleh Bank; dan
- (e) Selain perkara di atas, IAH juga berjanji untuk memberi bank notis bertulis dalam masa tiga puluh (30) hari, jika terdapat sebarang perubahan di dalam maklumat atau pengisytiharan yang diberi kepada Bank termasuk maklumat yang diberi dan pengisytiharan yang dibuat dengan keperluan FATCA dan/atau CRS.

## 8.24 Undang-undang Pencegahan Rasuah, Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Sekatan

### 8.24.1 Undang-undang Pencegahan Rasuah

- a) IAH dengan ini menjelaskan dan mewajarkan kepada Bank bahawa pada setiap masa, IAH akan mengendalikan akaun dengan mematuhi semua Undang-undang, polisi dan peraturan Pencegahan Rasuah.

### 8.24.2 Pencegahan Pengubahan Wang Haram

- a) IAH dengan ini mewajarkan bahawa tiada dana yang bergerak ke dan dari akaun mewakili hasil, atau akan digunakan untuk aktiviti haram seperti yang didefinisikan di dalam Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiaraan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (“Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram”).
- b) IAH bersetuju bahawa semasa tempoh Terma dan Syarat ini, IAH tidak akan mengendalikan akaun:
  - (i) terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam urus niaga yang melibatkan aktiviti haram;
  - (ii) menyembunyikan atau menyamarkan ciri sebenar sebarang aktiviti haram; atau
  - (iii) mempergunakan sebarang wang daripada akaun anda untuk sebarang tujuan pengubahan wang haram atau lain-lain tujuan haram

### 8.24.3 Sekatan

- a) IAH bukannya dan tiada saudara-mara IAH, merupakan individu yang (i) kini menjadi subjek terhad sebarang sekatan yang ditabir atau dikuatkuasakan oleh Malaysia, Amerika Syarikat, OFAC, Majlis Keselemanan Bangsa-Bangsa Bersatu Kesatuan Eropah atau Kerajaan UK atau pihak berkuasa sekatan berkaitan yang lain (secara kolektif,

“Sekatan”), atau (ii) berada atau tinggal di dalam negara atau wilayah yang merupakan subjek Sekatan (termasuk, tanpa had, Burma/Myanmar, Cuba, Iran, Libya, Korea Utara, Sudan atau Syria).

- b) IAH tidak akan secara langsung atau tidak langsung, menyediakan dalam sebarang cara apa-apa hasil atau apa-apa pengeluaran wang tunai kepada mana-mana individu atau entiti yang menjadi subjek Sekatan.
- c) IAH dengan ini mengakui bahawa Bank mungkin tidak dapat memproses urus niaga terjejas yang melibatkan atau dijangka melibatkan pelanggaran Sekatan atau sebarang keperluan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa dengan bidang kuasa ke atas Bank atau urus niaga yang terjejas. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam sebarang cara untuk sebarang kegagalan atau penangguhan dalam pemprosesan sebarang urus niaga tersebut.

#### 8.25 Undang-undang Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus

- a) IAH dengan ini mewajarkan supaya tidak menjadi subjek bagi sebarang Tuntutan Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus yang mungkin mempunyai kesan advers yang besar.
- b) IAH seterusnya berjanji dengan Bank bahawa ia harus melakukan usaha munasabah secara komersil untuk mematuhi Undang-undang Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus yang terpakai dan akan menjangka sebarang perubahan masa hadapan yang diketahui atau dijangka dalam keperluan dan mengambil semua tindakan munasabah untuk memastikan pematuhan. IAH akan memberi respons dengan tekun terhadap permintaan untuk maklumat ke atas urusan Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus yang diterima daripada Bank. Sekiranya insiden Alam Sekitar, Sosial dan/atau Tadbir Urus berlaku, IAH akan memberitahu Bank secara proaktif dengan secepat mungkin yang boleh dibuat.